

Zurich Malaysia Terima Pengiktirafan untuk Inovasi Digital dan Inisiatif Mengutamakan Pelanggan

Rai kejayaan berganda dengan merangkul enam anugerah berprestij



[Dari Kiri ke Kanan] Daniel Gan, Ketua Kecemerlangan Operasi dan Fungsi, Harta & Kemalangan, Chin Yin Kang, Ketua Pengalaman Pelanggan, Hayat & Takaful Keluarga dan Hasfa Reny Hamid, Pengurus Projek, Pemasaran Jenama & Komunikasi

KUALA LUMPUR, 11 September 2024 – Zurich Malaysia telah meraih pengiktirafan melalui enam anugerah berprestij di **'Insurance Asia News Awards'** dan **'Asia Insurance Awards'**, sekaligus membuktikan komitmen syarikat terhadap inovasi digital serta inisiatif yang mengutamakan pelanggan. Penghargaan ini menyerlahkan kepimpinan Zurich Malaysia dalam sektor insurans dan takaful.

Meraikan kecemerlangan di Insurance Asia News Awards

Zurich Malaysia dinobatkan sebagai **'Best Life Insurer'**, bukti dedikasinya dalam menyediakan penyelesaian insurans hayat dan takaful keluarga yang terbaik. Fokus syarikat terhadap kemampanan, penglibatan komuniti, dan penawaran produk yang inovatif telah menjadikannya berbeza.

Di bawah kepimpinan **Junior Cho, Ketua Pegawai Eksekutif Negara/Ketua Zurich Malaysia**, syarikat itu telah mengutamakan keperluan pelanggan dan transformasi digital. Junior melahirkan penghargaan terhadap anugerah **'Outstanding CEO'** yang diterima, dengan berkata, "Anugerah ini bukan sahaja pengiktirafan terhadap usaha kami yang terdahulu tetapi juga motivasi untuk kami terus melangkah ke hadapan. Selain itu, anugerah ini juga adalah untuk 1,500 kakitangan Zurich di seluruh Malaysia, yang mendedikasikan usaha serta kerja keras mereka dalam meletakkan pelanggan sebagai keutamaan. Kami akan terus komited untuk menyediakan penyelesaian inovatif yang memenuhi kepelbagaian keperluan rakyat Malaysia, memastikan mereka dilindungi dan diperkasa dalam semua aspek kehidupan."

Dedikasi Zurich Malaysia terhadap perkhidmatan pelanggan terus diiktiraf dengan anugerah **'Outstanding Claims Management'**. Penekanan syarikat terhadap pemprosesan tuntutan yang pantas, adil, dan lancar telah meningkatkan pengalaman pelanggan serta memupuk hubungan pelanggan yang kukuh.

Membuktikan nilai yang mengutamakan pelanggan di Asia Insurance Awards

Siaran Media

11 September 2024



Komitmen Zurich Malaysia terhadap inovasi digital merupakan pemacu utama kejayaannya. Pengenalan sistem Pemprosesan Langsung (STP) telah mengubah cara pelanggan menguruskan pelan berkaitan pelaburan mereka, membolehkan pelarasan masa nyata dan lebih ketelusan. Inisiatif ini menggondol anugerah '**Customer Service Initiative of the Year**', mengiktiraf pendekatan Zurich Malaysia untuk menjadikan perlindungan lebih mudah diakses dan mesra pengguna.

Tambahan lagi, usaha syarikat dalam menambah baik proses tuntutan insurans perjalanan turut menerima anugerah '**Travel Insurance Initiative of the Year**'. Dengan memanfaatkan teknologi untuk mengurangkan masa pemprosesan tuntutan, Zurich Malaysia memastikan pengalaman yang lancar dan efisien untuk pelanggan.

Manakala, kempen jenama Zurich Malaysia, "Care For What Matters," yang meraih anugerah '**Marketing Initiative of the Year**', menekankan dedikasi syarikat dalam membantu rakyat Malaysia mengharungi masa yang mencabar. Kempen berkenaan bukan sahaja selari dengan aspirasi komuniti untuk mencapai masa hadapan yang lebih cerah dan terjamin, malah mencerminkan pemahaman mendalam Zurich Malaysia terhadap tekanan yang dihadapi oleh individu dan keluarga, seperti peningkatan kos sara hidup serta tekanan emosi.

Junior Cho, Ketua Pegawai Eksekutif Negara/Ketua Zurich Malaysia berkata, "Melangkah ke hadapan, kami akan terus membina kejayaan ini dengan memberi tumpuan terhadap inovasi digital, pengalaman pelanggan, dan penglibatan komuniti, dengan memastikan keutamaan ini sentiasa di barisan hadapan dalam landskap insurans serta takaful di Malaysia. Misi kami adalah untuk menyokong rakyat Malaysia dalam apa jua keadaan, membantu mereka melindungi segala perkara yang bermakna."

###

Nota kepada editor:

Tentang Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my.